



## KENYATAAN MEDIA

### PROGRAM PENGEKALAN PEKERJAAN (ERP) UNTUK PEKERJA TERIMA NOTIS CUTI TANPA GAJI

Berikutan perutusan khas YAB Perdana Menteri pada 16 Mac 2020 berkenaan pembentangan semula Pakej Rangsangan Ekonomi 2020, peruntukan sebanyak RM60 juta daripada Kerajaan serta RM60 juta lagi daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah disediakan bagi tujuan pelaksanaan Program Pengekalan Pekerjaan (*Employment Retention Program - ERP*).

**ERP** menyediakan bantuan kewangan sementara sebanyak **RM600 sebulan** pada kadar rata **untuk tempoh maksimum 6 bulan** kepada mana-mana pekerja dan majikan yang memenuhi syarat kelayakan berikut :-

1. Pekerja yang diberi notis cuti sementara tanpa gaji (*unpaid leave*) oleh majikan berkuatkuasa mulai 1 Mac 2020;
2. Pekerja sektor swasta yang berdaftar dan mencarum dengan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO;
3. Terhadap kepada pekerja yang bergaji RM4,000 dan ke bawah;
4. Majikan membuat permohonan bagi pihak pekerja; dan
5. Majikan hendaklah menyalurkan RM600 terus kepada akaun pekerja.

**ERP** ini bertujuan untuk membantu majikan yang terjejas akibat Covid-19 yang terpaksa mengambil langkah mengurangkan kos operasi dengan pendekatan mengeluarkan notis cuti tanpa gaji kepada pekerja mereka. Pekeliling Majikan dan senarai FAQ boleh diperolehi di laman web PERKESO dalam masa yang terdekat.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Talian Khidmat Pelanggan, **1-300-22-8000** atau kemukakan pertanyaan anda menerusi email ke [perkeso@perkeso.gov.my](mailto:perkeso@perkeso.gov.my) ATAU salurkan aduan/pertanyaan melalui [facebook.com/perkeso.official](https://www.facebook.com/perkeso.official)

Sekian, terima kasih.

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)**

**17 Mac 2020**